

Headline	Ketakutan ubah tatu		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	14	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	501 cm ²
Journalist	Kalidevi Mogan Kumar appa	AdValue	RM 18,432
Frequency	Daily	PR Value	RM 55,296



Ketakutan ubah tatu

■ Ahli kongsi gelap diburu polis sanggup buat modifikasi bagi elak ditahan polis

Oleh Kalidevi Mogan Kumarappa
kalidevi@mediaprima.com.my
Kuala Lumpur

Ahli kongsi gelap yang memiliki tatu dan diburu polis kini sanggup menambah tatu baru atau modifikasi tatu sedia ada bagi menutup tatu yang mempunyai lambang kongsi gelap disertai mereka sejak 17 Ogos lalu.

Malah, ada yang sanggup ke negara jiran untuk tujuan sama. Namun berikutan operasi polis di sempadan, mereka ini menggunakan khidmat pembuat tatu tempatan sama ada membuang atau modifikasi tatu sedia ada agar kelihatan bukan seperti tatu kongsi gelap.

Tinjauan Harian Metro di sekitar kedai tatu di ibu kota mendapati ada dalam kalangan ahli kongsi gelap yang mengunjungi kedai berkenaan selepas 'kepanasan' berikutan Operasi Cantas Khas yang dijalankan polis.

Seorang artis tatu yang mahu dikenali sebagai Mark, 25, berkata, selain kedai miliknya, ada beberapa premis lain dikunjungi ahli kumpulan kongsi gelap yang mahu

melakukan modifikasi tatu asal mereka yang juga adalah lambang kumpulan yang disertai.

"Saya agak sibuk sejak minggu lalu selepas polis mendedahkan lambang tatu kongsi gelap di media dan ramai terutamanya ahli

kongsi gelap datang ke kedai saya untuk modifikasi tatu asal mereka bagi menutup tatu sedia ada," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, dalam sehari, dia akan menerima sekurang-kurangnya dua pelanggan dan ada kalanya mencecah lima pelanggan berbanding hanya satu pelanggan dalam seminggu sebelum ini berikutan persaingan dengan kedai lain.

Katanya, ahli kongsi gelap yang bimbang dicekup sekiranya tertangkap kerana memiliki tatu berlambang kumpulan kongsi gelap sanggup mengeluarkan wang yang banyak untuk menambah tatu lain.

"Antara tatu asal yang dimodifikasi ialah seperti lambang matahari, lambang

'Om', ikan koi, nombor 36, 08, 04, sarang labah-labah, labah-labah, bintang, naga dan harimau," katanya.

Menurutnya, lambang Om sebenarnya adalah lambang keagamaan Hindu dan ia adalah antara tatu yang agak popular untuk dimodifikasi kini menjadi tatu lain berbentuk bunga, corak tribal mahupun corak mauri.

Mark berkata, artis tatu akan menggunakan peralatan yang sama untuk mencah dan modifikasi tatu manakala peralatan laser digunakan untuk membuang tatu itu secara keseluruhan.

Menurutnya, biasanya proses itu mengambil masa lebih 10 bulan kerana selepas menjalani rawatan sesi pertama, seseorang perlu menunggu kira-kira enam minggu untuk ke sesi kedua dan seterusnya.

Beliau berkata, kadangkala pelanggan sendiri akan membawa corak tatu yang tidak pernah artis itu lihat tetapi kebanyakan mereka akan mengharapkan kreativiti artis dalam menghasilkan tatu.

"Jenis tatu yang terdapat sekarang ialah jenis 'tribal', 'bidadari', kala jengking, haiwan ganas seperti harimau, 'Red Indians', labah-labah, bulatan, tanda salib, ikan lumba-lumba, naga, kaligrafi Cina, bentuk hati, haiwan kacukan dan 'mauri', 'old skool cartoons', 'celtic' dan corak ala Jepun," katanya.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah Bahagian

Siasatan Jenayah Perjudian, Maksiat dan Kongsi Gelap (D7) Bukit Aman Datuk Abd Jalil Hassan ketika dihubungi berkata, pihaknya sudah sedia maklum mengenai tindakan ahli kumpulan kongsi gelap itu dan pemantauan sememangnya sentiasa dilakukan.

"Semuanya dalam pemantauan kita (PDRM), jika mereka lari ke negara jiran seperti Thailand untuk membuang tatu sekalipun kita boleh kesan, inikan dalam negara sendiri," katanya mengakui pihaknya tidak akan berpeluk tubuh sehingga individu sama ada ahli kongsi gelap mahupun penjenayah tegar masih bebas.

Headline	Ketakutan ubah tatu		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	14	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	501 cm ²
Journalist	Kalidevi Mogan Kumar appa	AdValue	RM 18,432
Frequency	Daily	PR Value	RM 55,296

‘Boleh kena HIV, tibi’

Kuala Lumpur: Sikap tergesa-gesa untuk menambah tatu tanpa menitibratkan faktor kebersihan kedai akan mendedahkan ahli kumpulan kongsi gelap kepada penyakit berbahaya seperti HIV dan tibi.

Pakar Bedah Plastik dan Rekonstruktif, (HUSM) Kubang Kerian, Dr Wan Azman Wan Sulaiman, berkata proses mencacah tatu perlu dilakukan dalam keadaan yang bersih

dan menggunakan jarum yang bebas daripada kuman.

“Dalam keadaan tergesa-gesa mereka tidak akan memikirkan faktor kebersihan kedai mahupun peralatan yang digunakan. Mereka hanya terfikir untuk menambah tatu atau modifikasi tatu di mana-mana kedai yang menerima permintaan tersebut itu.


“Dengan perkongsian jarum mencacah tatu, mereka berisiko tinggi untuk mendapat penyakit seperti HIV, tibi dan hepatitis,” katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Menurutnya, proses mencacah tatu di persekitaran yang kotor juga boleh memberi kesan negatif kepada kulit seperti kesan bernanah atau kegatalan.

Katanya, tindakan ter-

gesa-gesa untuk menambah tatu tidak akan memberi kepuasan maksimum kepada pemilik tatu tambahan lagi kepada ahli kumpulan kongsi gelap yang berniat untuk menutup tatu lama mereka yang mempunyai lambang kongsi gelap.

Headline	Ketakutan ubah tatu		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	14	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	501 cm ²
Journalist	Kalidevi Mogan Kumar appa	AdValue	RM 18,432
Frequency	Daily	PR Value	RM 55,296



FAKTA
 Ada yang sanggup ke negara jiran untuk menambah tatu baru atau modifikasi

CONTOH modifikasi dilakukan ahli kongsi gelap. Gambar kiri sebelum modifikasi dan kanan selepas dimodifikasi.